THE ALBATROSS FILE

SINGAPORE'S INDEPENDENCE DECLASSIFIED

PANDUAN PAMERAN

Acara kemuncak SG60 dan pameran tetap anjuran bersama Lembaga Perpustakaan Negara dan Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital.

Galeri Perpustakaan Negara /
Bangunan Perpustakaan Negara,
Aras 10
100 Victoria St, Singapura 188064

Isnin – Ahad:
10:00 Pagi – 9:00 Malam

Sehari sebelum Cuti Umum:
10:00 Pagi – 5:00 Petang

(Tutup pada Cuti Umum)

Masuk Percuma

KANDUNGAN

A. TENTANG PAMERAN

B. TOKOH-TOKOH UTAMA

C. PELAN RUANG PAMERAN

D. ZON

- ATLAS
- ROOM (BILIK)
- RECORDS (REKOD)
- CHATBOOK (BUKU SEMBANG INTERAKTIF)

E. SUMBER PENTING

A. TENTANG PAMERAN

TENTANG PAMERAN

The Albatross File membawa pengunjung menelusuri detik-detik awal pembentukan Singapura daripada Gabungannya dengan Persekutuan Tanah Melayu hingga Perpisahannya daripada Malaysia. Berdasarkan buku *The Albatross File: Inside Separation*, pengalaman introspektif ini merakam peristiwa-peristiwa kompleks yang terkait dengan perpisahan tidak terduga Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965.

Direka khas agar pengunjung benar-benar menghayati perjalanan pembentukan negara Singapura, *The Albatross File* merupakan penceritaan kembali yang lengkap dalam bentuk pengalaman interaktif secekut. Pameran ini memaparkan watak-watak dinamik, dokumen-dokumen yang baharu dinyahklasifikasikan, dan temu bual sejarah lisan bersama bapa-bapa pengasas Singapura untuk menyingkap sebuah bab mengagumkan dalam sejarah Singapura.

Kembali ke masa lalu, dalam apa jua urutan, empat komponen berasingan pameran ini – Atlas (Atlas), Room (Bilik), Records (Rekod), ChatBook (Buku Sembang Interaktif) – dan selami fikiran, perasaan, dan keputusan balik tabir yang membentuk laluan Singapura mencapai kemerdekaan.

B. TOKOH-TOKOH UTAMA

TOKOH-TOKOH UTAMA

SINGAPURA

LEE KUAN YEW

Dilahirkan di Singapura pada tahun 1923, Lee mengetuai PAP dalam meneraju pilihan raya pertama Singapura dan berjaya membentuk pemerintahan sendiri pada tahun 1959. Sebagai Perdana Menteri Singapura yang pertama, beliau mengetuai rundingan gabungan Singapura dan Tanah Melayu.

TOH CHIN CHYE

Dilahirkan di Perak, Tanah Melayu, pada tahun 1921, Toh merupakan Timbalan Perdana Menteri Singapura. Beliau merupakan penggerak utama Malaysian Solidarity Convention (Konvensyen Solidariti Malaysia) bersama S Rajaratnam. Pada mulanya beliau turut menentang Perpisahan Singapura-Malaysia.

GOH KENG SWEE

Dilahirkan di Melaka, Tanah Melayu, pada tahun 1918, Goh merupakan Menteri Kewangan Singapura. Beliau membantu dalam rundingan penetapan syarat gabungan Singapura dengan Tanah Melayu, dan kemudian syarat perpisahannya daripada Malaysia.

E W BARKER

Dilahirkan di Singapura pada tahun 1920, Barker merupakan Menteri Undang-Undang Singapura. Beliau menggubal dasar Perjanjian Perpisahan, pindaan Perlembagaan Malaysia untuk membuka laluan Perpisahan Singapura, dan Pengisytiharan Kemerdekaan Singapura.

S RAJARATNAM

Dilahirkan di Sri Lanka pada tahun 1915, dan dibesarkan di Seremban, Tanah Melayu, S Rajaratnam merupakan Menteri Kebudayaan. Beliau merupakan penggerak utama Malaysian Solidarity Convention (Konvensyen Solidariti Malaysia), bersama Toh Chin Chye. Pada mulanya, beliau berpendapat bahawa Singapura yang merdeka tidak dapat berdaya maju.

DEVAN NAIR

Dilahirkan di Melaka, Tanah Melayu pada tahun 1923, Nair merupakan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC). Beliau merupakan satu-satunya calon PAP yang memenangi kerusi dalam pilihan raya persekutuan Malaysia pada tahun 1964. Selepas Perpisahan, beliau menetap di Malaysia untuk membentuk Democratic Action Party (Parti Tindakan Demokratik), sebelum kembali ke Singapura pada tahun 1969.

OTHMAN WOK

Dilahirkan di Singapura pada tahun 1924, Othman berkhidmat sebagai Menteri Hal Ehwal Sosial. Seorang bekas wartawan, beliau mendapat tahu bahawa beberapa orang wartawan Malaysia telah lebih dahulu mengetahui tentang perancangan rusuhan Julai 1964 di Singapura.

LIM KIM SAN

Dilahirkan di Singapura pada tahun 1916, Lim merupakan Menteri Pembangunan Negara. Beliau merupakan menteri pertama Singapura yang mengetahui hasrat Tunku agar Singapura dan Malaysia berpisah.

ONG PANG BOON

Dilahirkan di Kuala Lumpur, Tanah Melayu pada tahun 1929, Ong merupakan Menteri Pendidikan. Beliau menerajui kempen PAP dalam pilihan raya persekutuan Malaysia pada tahun 1964. Dengan berat hati, beliau menandatangani Perjanjian Perpisahan.

JEK YEUN THONG

Dilahirkan di Singapura pada tahun 1930, Jek merupakan Menteri Buruh.

YONG NYUK LIN

Dilahirkan di Negeri Sembilan, Tanah Melayu pada tahun 1918, Yong merupakan Menteri Kesihatan Singapura.

KWA GEOK CHOO

Dilahirkan di Singapura pada tahun 1920, Kwa ialah seorang peguam dan merupakan isteri kepada Perdana Menteri pertama Singapura, Lee Kuan Yew. Beliau membantu merangka peruntukan Perjanjian Perpisahan yang memastikan bekalan air Singapura dari Johor terjamin.

MALAYSIA

TUNKU ABDUL RAHMAN

Dikenali sebagai *Bapa* Malaysia, Perdana Menteri Malaysia (1963 – 1970) memutuskan agar Singapura keluar daripada Malaysia pada Julai 1965 semasa beliau dirawat di sebuah hospital di London.

TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

Razak merupakan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan. Beliau merupakan ketua perunding Malaysia dalam perundingan Perpisahan Singapura daripada Malaysia.

ISMAIL ABDUL RAHMAN

Ismail ialah Menteri Dalam Negeri sewaktu Singapura berpisah daripada Malaysia. Pada awal tahun 1965, beliau terlibat dalam perundingan tentang kemungkinan perlembagaan Singapura di Malaysia disusun semula; kemudian pula beliau menyertai rundingan tentang perpisahan Singapura daripada Malaysia.

MOHAMED KHIR JOHARI

Khir merupakan Menteri Pertanian dan Koperasi dan pemimpin Umno yang bertanggungjawab atas ehwal masyarakat Melayu Singapura.

VT SAMBANTHAN

Sambanthan mengetuai Malaysian Indian Congress (Kongres India Malaysia) dari tahun 1955 hingga tahun 1973. Beliau berkhidmat sebagai Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekomunikasi dari tahun 1959 hingga tahun 1971.

TAN SIEW SIN

Tan merupakan Presiden Malaysian Chinese Association (Persatuan Cina Malaysia) dari tahun 1961 hingga tahun 1974 dan beliau juga Menteri Kewangan Malaysia dari tahun 1959 hingga tahun 1974.

SYED JAFFAR ALBAR

Digelar "Singa Umno" kerana pandangan radikalnya, beliau menyandang jawatan Setiausaha Agung parti itu pada tahun 1963. Beliau mendakwa PAP dan Lee Kuan Yew menindas orang Melayu Singapura.

ABDUL KADIR YUSOF

Kadir merupakan Peguam Negara Malaysia dari tahun 1963 hingga tahun 1977. Kadir dipanggil untuk meneliti draf Perjanjian Perpisahan.

MAHATHIR MOHAMAD

Mahathir merupakan Ahli Parlimen yang baru dilantik ketika Singapura masih sebahagian daripada Malaysia dan sering berdebat dengan Lee Kuan Yew di Parlimen Malaysia.

UNITED KINGDOM

ALEC DOUGLAS-HOME

Douglas-Home berkhidmat sebagai Setiausaha Ehwal Luar British sebelum menyandang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1963 hingga tahun 1964. Beliau cuba memujuk Tunku untuk membentuk kerajaan gabungan dengan PAP pada tahun 1964.

HAROLD WILSON

Wilson merupakan Perdana Menteri Britain dari tahun 1964 hingga tahun 1970. Beliau cuba menyekat perpecahan Malaysia. Beliau juga menghalang pemimpin Malaysia daripada menangkap Lee Kuan Yew.

ANTONY HEAD

Head merupakan Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia dari tahun 1963 hingga tahun 1966. Beliau membuat beberapa percubaan terakhir untuk memujuk pemimpin Malaysia agar menangguhkan tarikh Perpisahan.

LOUIS MOUNTBATTEN

Mountbatten merupakan Ketua Staf Pertahanan UK dari tahun 1959 hingga tahun 1965. Semasa lawatannya ke Malaysia dan Singapura pada tahun 1965, beliau terlibat dalam menggagalkan penyusunan semula perlembagaan yang dirundingkan Tunku dan Lee Kuan Yew.

INDONESIA

SUKARNO

Sukarno merupakan Presiden Indonesia dari tahun 1949 hingga tahun 1966. Beliau menentang pembentukan Malaysia dan melancarkan konflik bersenjata *Konfrontasi* terhadap Malaysia dan Singapura.

C. PELAN RUANG PAMERAN

PELAN RUANG PAMERAN



1. ATLAS

Ikuti kisah Singapura melalui garis masa peristiwa-peristiwa penting, semenjak Gabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu, sehingga Perpisahannya daripada Malaysia, berpandukan Jam Ruang-masa dinamik yang merakam urutan pergerakan dan keputusan tokoh-tokoh utama yang membawa kepada kemerdekaan Singapura.

2. ROOM (BILIK)

Saksikan penceritaan semula adegan sebalik tabir berlatarkan beberapa bulan menjelang Perpisahan, yang dihidupkan kembali berpandukan arkib bahan visual dan temu bual sejarah lisan, berserta lakonan semula yang sinematik.

3. RECORDS (REKOD)

Dengarkan suara tokoh-tokoh utama dan teliti dokumen-dokumen rasmi, nota-nota tulisan tangan, serta dokumen Fail Albatross yang telah dinyahklasifikasikan, yang menawarkan sudut pandang peribadi tokoh-tokoh utama tentang kebimbangan mahupun keyakinan mereka berkaitan Perpisahan Singapura-Malaysia.

4. CHATBOOK (BUKU SEMBANG INTERAKTIF)

Ketahui lebih lanjut mengenai perkhidmatan sembang yang dipacu AI-Generatif berpandukan terbitan *The Albatross File: Inside Separation* serta sumber lain daripada koleksi bernilai NLB.

D. ZON

ATLAS

Bahagian ini membentangkan urutan peristiwa secara komprehensif – plot, tokoh-tokoh dan tempat-tempat utama – yang berakhir dengan Perpisahan Singapura daripada Malaysia.

Atlas berpandukan Jam Ruang-masa dinamik yang mencatat perjalanan sejarah gabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sehingga Perpisahannya daripada Malaysia, melalui pergerakan secara geografi tokoh-tokoh utama yang terlibat. Ia juga menampilkan garis masa visual terperinci yang merentasi dinding di sekelilingnya.

Paparan interaktif bersensor pergerakan menyingkap hakikat yang lebih mendalam tentang peristiwa-peristiwa penting serta hubungan kompleks antara Singapura dan Malaysia ketika itu.

Dinding Atlas menjejaki urutan peristiwa yang berlaku beberapa bulan, hari dan jam sebelum Perpisahan – bermula dari 23 bulan sebelumnya, sehingga satu jam sebelum Perpisahan diumumkan pada 9 Ogos 1965.

Singkap waktu Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman, rasa berbelah bagi sama ada Singapura harus kekal dalam Malaysia, dan juga tentang perbincangan-perbincangan di mana Singapura akan diberikan lebih kebebasan, yang mula diutarakan pada akhir tahun 1964 dan berterusan sehingga Februari 1965. Namun, rundingan-rundingan tersebut gagal apabila British mengetahui tentangnya.

Kemudian, pada 27 Mei tahun 1965 di Parlimen Persekutuan, Lee Kuan Yew fasih menyampaikan hampir keseluruhsan ucapannya dalam bahasa Melayu tanpa merujuk skrip. Menurut E W Barker, ucapan Lee itu merupakan "titik putus".

Saksikan bagaimana, sepanjang tempoh itu, Lee berahsia agar pihak British tidak membantah, dan juga untuk mengelak berlakunya pergolakan di Singapura jika tersebar berita bahawa Singapura akan keluar dari Malaysia. Ketahui lebih lanjut tentang pertemuan-pertemuan antara pemimpin politik Singapura dan Malaysia sebelum Perjanjian Perpisahan dilakar sehingga akhirnya ditandatangani.

CUTTING LOOSE

Selami kisah ini secara lebih mendalam dengan berinteraksi dengan unsur-unsur yang berbeza pada dinding Atlas. Semak maklumat yang didedahkan pada panel bersensor pergerakan serta paparan interaktif yang mengandungi perincian tersembunyi.

D. ZON

ROOM (BILIK)

Pengunjung ruang Room akan tenggelam dalam pengalaman sinematik yang memukau selama 22 minit. Filem ini memberikan sudut pandang introspektif yang sarat dengan emosi dengan memberikan tumpuan kepada beberapa bulan genting menjelang Perpisahan. Detik-detik penting Perpisahan diketengahkan melalui lakonan semula, arkib bahan visual, dan temu bual sejarah lisan. Pengunjung dapat lebih memahami tentang kerumitan dan keseriusan Perpisahan Singapura melalui, antaranya, babak-babak ketegangan rusuhan kaum di Singapura dan visi politik yang sirna.

Penggambaran sinematik sembilan babak ini membawa pengunjung seakan betul-betul menyaksikan di hadapan mata mereka sendiri urutan peristiwa Perpisahan yang berlaku di dalam bilik rundingan ketika perbincangan sedang berlangsung. Dengarkan tokoh-tokoh utama berkongsi isi hati mereka dan cara mereka mengatur strategi yang membawa kepada kemerdekaan Singapura. Sertai barisan hadapan, mesyuarat rahsia genting yang membentuk hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia, serta dengarkan pemimpin Singapura berkongsi secara terbuka tentang pengalaman dan tindak balas mereka.

A GEOK CHOO: I think where he had the nearest to a nervous breakdown

Cari 'bilik tersembunyi' istimewa yang disingkapkan pada adegan tertentu untuk menampilkan watak-watak utama secara maya di set.

D. ZON

RECORDS (REKOD)

Bahagian interaktif ini menampilkan tiga sudut dengar dan lapan pameran artifak untuk memperdalam pemahaman pengunjung tentang suasana politik di Singapura beberapa tahun menjelang Perpisahan. Sudut dengar yang menampilkan temu bual sejarah lisan eksklusif, mempelawa pengunjung untuk mendengar suara tokoh-tokoh utama di sebalik peristiwa-peristiwa penting ini. Dokumen-dokumen dan nota-nota tulisan tangan Fail Albatross turut disertakan dalam artifak pameran. Di samping itu, permukaan kaca interaktif memberikan peluang kepada pengunjung untuk meneliti memorandum rasmi, draf kertas kerja, dan juga surat tulisan tangan yang diabadikan dalam sejarah Singapura.

Pada bulan Disember tahun 1964, Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman, mula mempertimbangkan dengan serius agar Singapura keluar daripada Malaysia. Tunku memohon agar Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew menyiapkan draf kertas kerja senarai tuntutan Singapura. Tiga dokumen – dua draf kertas kerja dan satu Memorandum Kabinet yang disiapkan Lee – mendedahkan bahawa rundingan tertumpu kepada sektor pertahanan, dasar luar negara dan pasaran bersama.

Lee mengusulkan Singapura akan menyumbang secara tunai kepada bajet pertahanan dan ehwal luar negara Malaysia jika ada perwakilan Singapura dalam Parlimen Malaysia. Lee sebenarnya ingin mengajukan kepada Tunku dua bentuk pemerintahan Singapura: agar PAP kekal dalam Parlimen Malaysia tetapi tidak mengambil bahagian dalam politik luar Singapura; atau autonomi penuh berserta sumbangan kepada pertahanan bersama Malaysia. Pengunjung boleh menatal dokumen-dokumen ini yang dipaparkan pada skrin interaktif, serta menyemak anotasi yang menerangkan butiran lanjut tentang latar belakang dan cabaran yang dihadapi oleh pemimpin politik Singapura.

Dalam bahagian ini terdapat sebuah bahan pameran yang mengandungi pendedahan penting. Sila cari halaman transkrip sejarah lisan Goh Keng Swee yang mempunyai tulisan tangan Lee Kuan Yew. Ketika Lee sedang bersiap untuk menulis memoirnya pada pertengahan tahun 1990-an, beliau membaca transkrip ini dan menulis: "*Kali pertama dibaca pada 22 Ogos 94 jam 5.40 petang di pejabat*" di bahagian tepi halaman. Apakah yang Lee temui selepas 29 tahun sehingga beliau merasakan perlu untuk merekodkan detik ini? Hakikatnya ialah Goh, dan bukan orang Malaysia, yang telah mencadangkan dalam mesyuarat dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak pada 15 Julai 1965 agar Singapura dan Malaysia berpisah, dan Goh "tidak pernah mendesak Razak untuk susunan semula yang lebih longgar" seperti yang diminta oleh Lee untuk Goh laksanakan.

D. ZON

CHATBOOK (BUKU SEMBANG INTERAKTIF)

Selamat datang ke pusat penyelidikan peribadi anda – di sini, stesen interaktif yang dipacu AI generatif memberi pengunjung peluang untuk berinteraksi dengan pameran serta bahan pelbagai mod daripada koleksi Perpustakaan Negara dan Arkib Negara Singapura.

Terminal interaktif mendorong pengguna untuk mengajukan soalan dan meneroka pelbagai bahan pameran arkib, seperti dokumen pemerintah, temu bual sejarah lisan, klip video, gambar, keratan akhbar dan lain-lain lagi. ChatBook (Buku Sembang Interaktif) kemudian menjana respons yang menghimpunkan dokumen dan temu bual – untuk memberikan sebuah pengalaman penyelidikan tentang gabungan dan perpisahan Singapura.

Kemudi perjalanan anda menelusuri sejarah. Ajukan soalan anda dan ChatBook (Buku Sembang Interaktif) akan menjana jawapannya. Terokai pelbagai sumber arkib Singapura – sesetengahnya baru dinyahklasifikasikan. Gabungan himpunan perkataan, gambar, dan elemen audio-visual menyampaikan kisah lebih lengkap penuh nuansa.

Versi ‘lite‘ ChatBook (Buku Sembang Interaktif) menyasarkan pengunjung cilik yang memiliki rasa ingin tahu yang tinggi – dengan teks lebih mudah, fon lebih besar, dan juga karakter di skrin yang lebih mesra pengguna cilik.

E. SUMBER PENTING

SUMBER PENTING

Laman web pameran:
https://exhibitions.nlb.gov.sg/thealbatrossfile/about/

Garis Masa Fail Albatross:
https://exhibitions.nlb.gov.sg/thealbatrossfile/timeline/

The Historical Context: Merger
oleh Tan Tai Yong

The Historical Context: Separation
oleh Albert Lau

Laman web Arkib Negara Singapura:
https://www.nas.gov.sg/archivesonline/

PENGHARGAAN

Dipersembahkan oleh

nlb Inspiring Discovery

MDDI Ministry of Digital Development and Information

Dianjurkan sempena

SG60

Sumber bahan

National archives Singapore

National library Singapore

mediacorp

sph media

Penyumbang lain

10X Media Group/Reuters
Alamy
National Archives of Malaysia
National Museum of Singapore
National Portrait Gallery, London
People's Action Party
TopFoto
Upper Hutt Library Digital Photographs